



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK

SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM
JABATAN PENDIDIKAN ISLAM NEGERI SARAWAK

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2024
PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

2 jam 30 minit

1223/1

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi lima soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan sendiri.*
4. **Semua helaian jawapan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.**

Kertas peperiksaan ini mengandungi 5 halaman bercetak dan 1 halaman tidak berceta

[Lihat halaman sebelah

Jawab semua soalan.

1 (a) Firman Allah SWT:

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكْذِبِينَ ﴿١٣٧﴾ هَذَا بَيَانٌ
لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾ وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

(Surah Ali Imran: 137-139)

Ayat di atas menerangkan tentang memahami sunnatullah.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Apakah maksud sunnatullah? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** konsep sunnatullah. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** kesan memahami sunnatullah. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

كُنْتُكُمْ رَاعٍ وَكُنْتُكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، الْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ
وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَّةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا، وَالْخَادِمُ رَاعٍ
فِي مَالِ سَيِّدِهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، - قَالَ: وَحَسِبْتُ أَنَّ قَدْ قَالَ: وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي مَالِ
أَبِيهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ - كُنْتُكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

(رواية البخاري)

Hadis di atas menerangkan setiap orang adalah pemimpin.

- (i) Nyatakan **dua** tanggungjawab seorang anak terhadap ibu bapanya. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** pengajaran daripada hadis di atas. [4 markah]

3 HUKUMAN ANAK DERHAKA

- Rang Undang-Undang (RUU) Warga Emas yang akan dibentangkan di Parlimen tahun depan perlu mengambil kira elemen pengabdian terhadap ibu bapa antaranya aspek makan minum, kesihatan, tempat tinggal serta kasih sayang dalam usaha mewujudkan undang-undang yang berkesan.
- Turut disyorkan ialah tiga bentuk hukuman terhadap anak-anak dan perjaja sifu denda, kerja khidmat masyarakat dan pemberian wang wajib kepada ibu bapa melalui pemotongan gaji.

MUKA 2 & 3



RAJA SCAMMER TERIMA PADAH

Dua warga United Kingdom yang terlibat dalam skema penipuan dalam talian antara-angsa dipukul hukuman penjara masing-masing selama 12 bulan dan denda berjumlah RM20,000 oleh Mahkamah Syariah Ghaib Alam pada Khamis.

(iii) Huraikan pandangan anda tentang situasi di atas. [4 markah]

وَأَذِّنْ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ إِلَى النَّاسِ يَوْمَ الْحَجِّ الْأَكْبَرِ أَنَّ اللَّهَ بَرِيءٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ وَرَسُولُهُ فَإِنْ تُبْتُمْ فَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ وَإِنْ تَوَلَّيْتُمْ فَأَعْلَمُوا أَنَّكُمْ غَيْرُ مُعْجِزِي اللَّهِ وَبَشِّرِ الَّذِينَ كَفَرُوا بِعَذَابِ
 أَلِيمٍ

(Surah al-Taubah: 3)

(c) Terangkan mana-mana tanda wakaf yang terdapat dalam petikan ayat di atas.

[2 markah]

2 (a) Al-Muntaqim merupakan satu daripada nama Allah SWT yang indah.

(i) Nyatakan maksud al-Muntaqim.

[2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** kefahaman Allah SWT bersifat al-Muntaqim.

[4 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT



Tsunami Aceh bencana terbesar di Indonesia.

- (iii) Berdasarkan gambar di atas, kemukakan hujah anda dengan mengaitkannya dengan nama Allah SWT al-Muntaqim. [4 markah]

(b) Terdapat beberapa aliran yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah.

- (i) Siapakah golongan Syiah? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** prinsip Syiah yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah. [4 markah]
- (iii) Terangkan pandangan Ahli Sunnah Waljamaah dan aliran Muktazilah tentang isu berikut:

- (1) Pelaku dosa besar.
(2) Melihat Allah SWT.

[4 markah]

3 (a) Muamalat ialah hukum syarak yang berkaitan dengan urusan kewangan Islam.

- (i) Nyatakan maksud riba. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** unsur yang diharamkan selain daripada riba. [2 markah]

Pada masa kini, ramai penjawat awam membuat pinjaman daripada Ah Long.

- (iii) Ramalkan apakah yang akan berlaku sekiranya situasi di atas tidak dibendung? [4 markah]

- (b) (i) Apakah maksud Solat Sunat Tasbih? [2 markah]
- (ii) Terangkan perbezaan antara Solat Sunat Tasbih dengan Solat Sunat Istikharah. [2 markah]
- (c) (i) Nyatakan maksud faraid. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** hikmah disyariatkan faraid. [2 markah]



Sumber: *Berita Harian (online)* – Oktober 12, 2019

- (iii) Huraikan pandangan anda tentang isu di atas. [4 markah]
- 4 (a) (i) Nyatakan riwayat hidup Ahmad bin Ibrahim secara ringkas. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** sumbangan Ahmad bin Ibrahim dalam bidang perundangan Islam. [4 markah]
- Ahmad bin Ibrahim merupakan tokoh yang memberikan sumbangan yang besar dalam memperkasakan perundangan Islam di Malaysia.
- (iii) Sebagai seorang murid, bagaimanakah anda dapat mencontohi keunggulan tokoh tersebut? [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan **dua** sumbangan khalifah Harun al-Rasyid kepada kerajaan Abbasiyah. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **empat** fakta sejarah kerajaan Islam Abbasiyah [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Abbasiyah dari aspek politik. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

5 *Wasatiyyah* merupakan tingkah laku yang baik.

- (a) (i) Nyatakan maksud *wasatiyyah*. [2 markah]
 (ii) Senaraikan **empat** prinsip *wasatiyyah*. [4 markah]

“*Wasatiyyah* menjamin kecemerlangan umat”

- (iii) Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 markah]
- (b) Alam sekitar merupakan anugerah Allah SWT yang tidak ternilai.
- (i) Jelaskan **dua** adab menjaga alam sekitar. [2 markah]
 (ii) Terangkan **dua** hikmah beradab menjaga alam sekitar. [4 markah]

274 kilang cemari Sungai Kim Kim

● **Lembangan bahagian hulu padat kawasan perindustrian**

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my
► Pasir Gudang

Sebanyak 274 kilang di sepanjang jajaran Sungai Kim Kim, di sini dikesan menjadi penyebab masalah pencemaran di sungai berkenaan sejak dikawal. Menurut sumber, jumlah itu direkodkan dalam bancian sebelum dan selepas isu pencemaran sisa kimia berbahaya di sungai berkenaan yang mengemparkan negara, Mac lalu.

Katanya, lembangan Sungai Kim Kim sepanjang 15 kilometer itu antara sungai yang padat dengan kawasan perindustrian di bahagian hulunya menyebarkan pengangkutan undang-undang sukar dilaksanakan dengan berkesan.

“Jabatan Alam Sekitar (JAS) boleh berupaya mengesan penilik kilang yang melepaskan sisa berbahaya tidak dirawat ke sungai kerana memiliki sistem khas latar belakang syarikat, termasuk bahan diproses di kilang kerana ia syarat utama sebelum dibenarkan beroperasi.”

“Cuma, yang sukar dikawal kewujudan kilang haram kerana agensi kerajaan tiada maklumat mengenai operasi mereka dan apa yang diproses, apatah lagi sisa apa yang mereka lepaskan ke sungai kita,” katanya.

Justeru, pengatkuasaan bersepadu perlu dilaksanakan secara berterusan di kawasan perindustrian di sepanjang Sungai Kim Kim.

Ia berikutan jajaran beradab berdekatan penempatan manusia, termasuk taman perumahan, kampung tradisional serta kampung nelayan menjadikan pencemaran mampai merolat angan-angan.

“RH semalam melaporkan, selepas tiga bulan disyitarkan bebas dan selamat daripada pencemaran sisa kimia berbahaya, Sungai Kim Kim, di sini berdepan masalah pencemaran sampah-sarap, selain menjadi serakin cetek hingga meyakinkan kehidupan komuniti nelayan setempat.

Sisa makanan, plastik cemari sungai

Antara sampah yang kerap dibuang dan ditemui nelayan termasuk sisa makanan, plastik sampah, kayu serta bahan binaan termasuk batu-bata menyebabkan nelayan yang turun ke Sungai Kim Kim perlu berhati-hati membawa bot masing-masing.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Johor, Che Mohd Dahlan Che Jusof, ketika dihubungi mengakui isu sampah menjadi masalah baharu

Sungai Kim Kim yang sukar dibersihkan selepas pencemaran sisa kimia berbahaya.

“Ketika pembersihan Sungai Kim Kim pegawai dan kakitangan JPS menjadi saksi wujud golongan yang membuang sampah ke dalam sungai berkenaan dengan sesuka hati.

“Jika kehadiran anggota kerajaan pun mereka tidak takut membuang sampah sesuka hati, apatah lagi jika tiada kehadiran sesapa di situ menyebabkan Sungai Kim Kim seolah-olah menjadi tong sampah,” katanya.

Berikutan isu Sungai Kim Kim yang kini cetek, JPS akan menghantar pegawai untuk menjalankan siasatan kerana ia tidak sepatutnya berlaku berikutan pembersihan yang dilakukan Mac lalu, hanya membuang kawasan tebing sungai yang terjejas dengan sisa kimia berbahaya.

“Bahagian dasar sungai langsung tidak disusi kecuali jika ada erusan yang turut tercemas,” katanya.

Ketika pembersihan Sungai Kim Kim pegawai dan kakitangan JPS jadi saksi wujud golongan yang buang sampah ke dalam sungai itu dengan sesuka hati”

Che Mohd Dahlan Che Jusof, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Johor

Sumber: *Berita Harian (online)* – Jun 14, 2019

- (iii) Berdasarkan keratan akhbar di atas, huraikan pandangan anda tentang peranan masyarakat dalam menangani situasi tersebut daripada terus berleluasa.

[4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT